

Pelajar perlu teliti maklumat yang disebarikan

UB 14/10/2011 B12

LABUAN: Jabatan Cawangan Khas (JCK) akan terus menangani aktiviti puak pelampau yang sengaja menimbulkan provokasi untuk menggugat keselamatan rakyat dan negara ini.

Ketua Penolong Pengarah E2 (M), Bahagian Ancaman Ekstremis Sosial Bukit Aman, SAC Datuk Mohd Sofian Md Makinuddin berkata, pegawai dan anggota Cawangan Khas sentiasa bekerja keras agar puak pelampau agama, politik, sosial, ekonomi dan perkauman tidak bergerak cergas di negara ini.

Pihaknya sentiasa memantau setiap pergerakan dan aktiviti puak pelampau yang sengaja ingin melihat negara ini dalam keadaan huru-hara dan tidak stabil seperti mana yang berlaku di Asia Barat, Indonesia, Filipina dan Thailand.

Beliau berkata, Jabatan Cawangan Khas Ibu Pejabat Polis Bukit Aman akan memastikan kehidupan seharian rakyat berbilang agama dan bangsa termasuk warga asing yang bermastautin di negara ini berada dalam keadaan selamat.

"Jabatan Cawangan Khas akan memastikan sesiapa sahaja individu yang sengaja menimbulkan kekacauan untuk menggugat keselamatan rakyat dan negara akan ditahan dan didakwa di mahkamah supaya orang ramai termasuk pelancong boleh hidup dalam keadaan aman dan tenteram," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ceramah 'Ancaman Keselamatan Negara' di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), malam Jumaat lepas.

Hadir sama Ketua Cawangan Khas, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah, SAC Datuk Syed Ahmad Syed Hassan dan Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran UMS-KAL, Musnin Matersah.

Turut hadir Timbalan Ketua Cawangan Khas 1 IPK Sabah, ACP

Mohd Zainal Rahmat, Pegawai Turus IPK Sabah, Superitendan Hashim Justin, Penolong Pendaftar Kanan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UMS-KAL, Norhanizah Adnan, Pegawai Psikologi UMS-KAL merangkap pengerusi penganjur, Nur Iman Reedzal, pegawai kanan dan pensyarah.

Sofian berkata, pihak polis terutama Jabatan Cawangan Khas mahu rakyat mengambil iktibar daripada peperangan, kekacauan dan pergaduhan di negara luar yang tidak mendatangkan manfaat kepada mana-mana pihak malah sebaliknya rakyat akan menjadi ketakutan untuk menjalani kehidupan seharian serta menjejaskan pelaburan ekonomi dan ketidakstabilan politik tanahair.

Beliau juga mahu golongan pelajar di institusi pengajian tinggi awam dan swasta supaya meneliti terlebih dahulu maklumat yang diperolehi daripada sumber yang kurang jelas mengenai sesuatu isu bagi mengelak mereka terkeliru dengan suasana yang berlaku di negara ini.

Sehubungan itu, Sofian berharap golongan pelajar di IPTA dan IPTS lebih berwaspada dengan pihak yang tidak bertanggungjawab yang



SESUATU YANG MELUCUKAN ... Dewan Utama UMS-KAL dipenuhi pelajar perempuan yang mendengar ceramah.

sentiasa mengambil kesempatan untuk menyebarkan fahaman mereka sehingga boleh menggugat keselamatan negara dan rakyat keseluruhannya.

Selain itu, beliau menjelaskan keamanan yang dinikmati rakyat Malaysia ketika ini disebabkan oleh kesediaan pelbagai pihak termasuk rakyat sendiri menerima konsep pelbagai agama dan kaum selaras dengan gagasan 1Malaysia yang

mengutamakan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang agama dan bangsa.

"Rakyat boleh hidup aman damai dan tenteram kerana saling percaya mempercayai dan menerima pelbagai budaya dan agama di negara ini. Toleransi dan perpaduan adalah kunci keamanan, kesejahteraan dan ketenteraman yang dinikmati rakyat dan negara ini sejak sekian lama," katanya.



DOA ... Pelajar UMS-KAL mengaminkan doa pada majlis ceramah itu.

TERIMA KASIH ... Sofian (kanan) menerima cenderamata daripada Musnin selepas menyampaikan ceramahnya.



MESRA ... Sofian (tiga kanan) bersama Syed Ahmad (dua kanan), Musnin (kanan) dan Norhanizah (belakang) beramah mesra dengan pelajar UMS-KAL selepas menyampaikan ceramah.



KHUSYUK ... Tetamu jemputan dari Cawangan Khas IPK Sabah dan pegawai kanan UMS-KAL memberikan perhatian kepada ceramah Ancaman Keselamatan Negara.